

DAP kutuk Israel sekat misi Palestin
Free Malaysia Today
Okt 7, 2016

Lim Guan Eng meminta negara diwakili sukarelawan wanita terbabit mengambil tindakan tegas terhadap Israel yang bertindak ganas menghalang misi Women's Boat to Gaza.

PETALING JAYA: DAP mengutuk tindakan Israel menahan kapal membawa sekumpulan sukarelawan wanita dalam misi keamanan antarabangsa Gaza yang disifatkan perbuatan tidak berperikemanusiaan, kata setiausaha agungnya.

Lim Guan Eng juga meminta negara diwakili sukarelawan wanita terbabit mengambil tindakan tegas terhadap Israel yang bertindak ganas menghalang misi Women's Boat to Gaza (WBG) menghantar bantuan makanan dan perubatan kepada rakyat Gaza yang ditindas rejim Zionis itu.

"Tujuan kapal tersebut adalah semata-mata mahu menembusi sekatan haram yang rejim Israel sejak 10 tahun lalu yang mengurung hampir 2 juta warga Palestin di Gaza yang amat memerlukan bantuan kemanusiaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain wakil tunggal Malaysia, Dr Fauziah Mohd Hasan, sukarelawan lain berasal dari Amerika Syarikat, Australia, Sweden, Norway, Ireland, New Zealand, Algeria, Afrika Selatan, Algeria dan Sepanyol.

Ahli Parlimen Bagan itu berharap duta Amerika Syarikat dapat memberi jaminan terbuka kepada rakyat Malaysia yang negaranya akan memastikan keselamatan Dr Fauziah dan sukarelawan lain.

"Amerika Syarikat selaku sekutu Israel tidak boleh membiarkan rejim tersebut melakukan keganasan serta melanggar undang-undang antarabangsa sesuka hati, jika Amerika mahu dihormati sebagai negara yang menggalakkan demokrasi, kebebasan dan keadilan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kesemua anak kapal dalam misi WBG yang ditahan Israel Rabu lalu sudah dibebaskan, menurut pertubuhan MyCARE memetik sumber dari Freedom Flotilla Coalition yang menguruskan peguam hak asasi manusia di Tel Aviv, pagi tadi.

Semalam, Israel membebaskan wartawan Al Jazeera dari United Kingdom, Mina Harballou dan Hoda Rakhme dari Rusia.

MyCARE menerusi kenyataan dalam laman Facebook memaklumkan, 11 delegasi lain akan diterbangkan ke negara masing-masing, sama ada malam ini (waktu tempatan) atau awal pagi esok.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/10/07/dap-kutuk-israel-tidak-berperikemanusiaan-sekat-misi-gaza/>